



PERUTUSAN

YANG BERTHORMAT

DATO SERI SETIA Ir. AWANG HAJI SUHAIMI BIN HAJI GAFAR,

MENTERI PEMBANGUNAN

**SEMPENA MEMPERINGATI HARI HABITAT SEDUNIA 2021**

**TEMA: 'ACCELERATING URBAN ACTION FOR A CARBON-  
FREE WORLD'**

HARI ISNIN

4 OKTOBER 2021M BERSAMAAN DENGAN 27 SAFAR 1443H

1. Setiap tahun, **pada hari Isnin pertama bulan Oktober**, Negara Brunei Darussalam bersama-sama dengan Negara lain dan *UN Habitat* atau 'United Nations Human Settlements Programme' menyambut **Hari Habitat Sedunia** dengan tujuan untuk memberi tumpuan pada keadaan penempatan dan hak asas manusia untuk mendapat tempat tinggal yang mencukupi. Ini juga bertujuan untuk mengingatkan bahawa kita semua bertanggungjawab terhadap habitat generasi akan datang.

2. Pada tahun ini, tema yang dipilih oleh *UN Habitat* ialah *Accelerating Urban Action for a Carbon-Free World*.

3. Kawasan bandar adalah penyumbang utama pada perubahan iklim secara global dengan pelepasan 70% karbon dioksida melalui pengangkutan, bangunan, tenaga dan pengurusan sisa. Masa depan dunia kita adalah bergantung pada Kerajaan baik di peringkat nasional, serantau mahupun antarabangsa, komuniti, institusi akademik, sektor swasta dan semua pihak yang berkepentingan untuk bekerjasama mewujudkan persekitaran bandar yang mampan dan *carbon-neutral*.

4. Seperti Negara-Negara lain, Negara Brunei Darussalam juga prihatin dan mengambil perhatian berat akan perubahan iklim dan kesan-kesannya. Menyedari akan kepentingan ini, Negara Brunei Darussalam

menyokong usaha bersepadu di semua peringkat dalam menangani dan mengawal perubahan iklim dalam mendokong inisiatif Protokol Hijau dan menerapkan pendekatan *Whole-of-Nation* di kesemua agensi kerajaan dan pihak-pihak yang berkenaan.

5. Dengan berlakunya pandemik wabak Covid-19 pada masa ini boleh mendatangkan usaha dalam meningkatkan inisiatif Protokol Hijau. Wabak Covid-19 telah memberi beberapa pengajaran penting dalam menangani krisis perubahan iklim. Sebagai contoh, *Work from Home* boleh meredakan kesesakan lalu lintas dalam jangka masa panjang. *Work from Home* juga mengurangkan jumlah kereta di jalanraya, dan seterusnya mengurangkan pelepasan karbon dan penggunaan tenaga. Ia juga membantu mengurangkan kesan pencemaran udara pada alam sekitar dan kesihatan manusia.

6. Pandemik wabak Covid-19 mempunyai kesan penularan yang lebih banyak pada kawasan bandar. Dengan terjadinya penularan wabak Covid-19 pada masa ini, mempunyai rumah kediaman sebagai tempat perlindungan adalah sangat penting. Kebanyakan orang telah diberikan Notis Pengasingan Diri dengan tidak dibenarkan meninggalkan rumah bagi mengelakkan penularan atau jangkitan wabak Covid-19 tersebut.

Walaupun bagaimanapun, tanpa mempunyai rumah kediaman yang bersesuaian, perkara ini adalah mustahil untuk dilaksanakan.

7. Pada masa yang sama, wabak Covid-19 juga telah mengingatkan kita bahawa mempunyai rumah kediaman bukan sahaja melindungi kita dari panas dan hujan. Mempunyai rumah kediaman sebagai tempat perlindungan membuatkan kita merasa selamat dan membolehkan kita untuk meneruskan kehidupan seharian iaitu bekerja dan belajar dari rumah secara atas talian, dan juga sebagai langkah dari mengelakkan jangkitan wabak Covid-19 iaitu dengan mengelakkan perjumpaan secara fizikal.

8. Di seluruh dunia, wabak Covid-19 telah menular di kawasan tempat kediaman yang tidak mencukupi, tempat kediaman yang sesak dan bagi yang tidak mempunyai tempat tinggal. Perumahan adalah sebagai hak asasi manusia dan pemangkin bagi kesemua hak asasi yang lain.

SEKIAN